

**Kuala Lumpur:** Berjaya menghasilkan unjam hibrid 'istimewa' yang terbukti mampu memperkayakan hidupan laut sekaligus membantu nelayan tempatan mempertingkatkan hasil tangkapan.

Itu antara kejayaan SIRIM Berhad menghasilkan unjam hibrid menggunakan formula bahan seramik khusus yang selamat untuk persekitaran marin atau mesra alam.

Usaha itu selaras dengan komitmen SIRIM dalam melaksanakan prinsip berasaskan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Terbaru Jabatan Perikanan Malaysia dan SIRIM Berhad melabuhkan lapan unjam hibrid di perairan Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam, Selangor, dalam usaha memperkayakan hidupan laut serta membantu nelayan mempertingkatkan hasil tangkapan.

Usaha dilakukan itu hasil penyaluran peruntukan sebanyak RM300,000 oleh kerajaan Negeri Selangor kepada Jabatan Perikanan Negeri Selangor bagi merea-

# Unjam hibrid ciptaan Sirim perkaya hidupan laut



UNJAM hibrid dilabuhkan oleh Jabatan Perikanan dan Sirim di perairan Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam, Selangor.

lisasikan pembangunan unjam hibrid seterusnya memberi manfaat kepada nelayan setempat.

Naib Presiden Kanan, Penyelidikan Perindustrian SI-

RIM, Mohd Azanuddin Salleh berkata, pembangunan unjam hibrid bersama pihak Jabatan Perikanan Malaysia adalah sebagai satu langkah inovasi bagi mewujudkan

suatu peranti pengumpulan (FAD) yang lebih efisien dan sesuai untuk menjadi habitat baru ikan.

"Unjam ini diharap akan dapat memangkin pening-

katan pendaratan ikan dan mampu meningkatkan taraf ekonomi nelayan setempat," katanya.

Difahamkan pada Tahun 2021, Negeri Selangor mencatatkan pendaratan ikan sebanyak 167,587 tan metrik ikan bernilai RM1.5 bilion. Pendaratan itu menyumbang sebanyak 12.6 peratus dari nilai keseluruhan pendaratan ikan di Malaysia.

Majlis Melabuhkan Unjam Hibrid di Perairan Sabak Bernam turut disaksikan Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah dan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Selangor, Noraisyah Abu Bakar.

Mohd Azanuddin berkata, projek membangunkan fabrikan unjam hibrid bermula pada 15 September 2022 adalah selaras dengan komitmen SIRIM dalam melaksanakan prinsip berasaskan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam memelihara alam sekitar.

"SIRIM komited untuk membantu syarikat dan organisasi di Malaysia melaksanakan ESG dalam memberikan impak yang besar kepada reputasi syarikat atau organisasi mampu melonjakkan lagi prestasi mereka. Selain itu, usaha ini penting sebagai komitmen dan tanggungjawab kita terhadap persekitaran, pekerjaan dan komuniti," katanya.

Sejak tahun 2005, SIRIM Berhad menjalankan kajian bahan tukun dan mereka bentuk tukun yang boleh disesuaikan dengan kedalaman, jenis dasar serta kesesuaian lokasi penanaman tukun itu.

"Unjam hibrid adalah reka bentuk baru yang ingin diketengahkan dwi-fungsinya. Tukun yang dibangunkan SIRIM Berhad turut dilabuhkan di perairan Pulau Kendi, Pulau Pinang; Pulau Kapas, Setiu dan Pulau Perhentian di Terengganu; Batu Sapi dan Pulau Sebatik di Sabah," katanya.

H/M 1/12/2022  
Ans: 21